



“REQUEST FOR PROPOSAL” (RFP)

NO. KONTRAK :UPEN/ RFP/01-2020

"REQUEST FOR PROPOSAL" (RFP)

PEMBANGUNAN BANDAR BARU KOTA NILAM PERDANA, MUKIM LEMBU, PENDEK, KOTA BHARU SELUAS 275.8 EKAR SECARA PENSWASTAAN

SYARAT-SYARAT UMUM RFP

1. RFP ini dibuka untuk jualan mulai **16 Februari 2020 - 30 April 2020** kepada mana-mana syarikat yang berkemampuan dan memenuhi syarat:
 - a) Mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM1,000,000.00.
 - b) Mengemukakan ringkasan penyata kewangan terkini (3 tahun).
 - c) Kertas Cadangan Projek.
 - d) Lain-lain maklumat/dokumen yang boleh menyokong permohonan.
 - e) Terbuka kepada syarikat tempatan dan asing yang berpengalaman.
 - f) Membeli Dokumen RFP dengan harga RM5,000 dan Bayaran Proses RM10,000.
2. Pembida Projek hendaklah menanggung semua kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan cadangannya yang mesti dihantar pada atau **sebelum 12.00 tengah hari, 28 Mei 2020**.
3. Pembida Projek dikehendaki membeli dokumen RFP dengan harga **RM5,000.00** (Cek Jurubank/ Wang Pos atas nama "Setiausaha

Kerajaan Negeri Kelantan") di Bahagian Pelaburan Negeri, Tingkat Bawah, Blok 1, Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu.

4. **RM10,000** sebagai bayaran pemprosesan diatas nama "Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan" disertakan semasa menyerahkan cadangan itu. Cek peribadi dan cek syarikat tidak dapat diterima. Jumlah ini tidak dikembalikan. Cadangan yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dilayan.
5. Satu (1) softcopy dan dua (2) salinan hardcopy mestilah dikemukakan ke alamat berikut:

**Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
Ting 1, Blok 1, Kota Darul Naim
15503 Kota Bharu
Kelantan
(Bahagian Pelaburan Negeri)**

6. Penyerahan dokumen RFP hendaklah diletakkan di dalam sampul surat yang tertutup, ditandakan dengan jelas di sudut kanan atas petak itu sebagai "***Pembangunan Bandar Baru Kota Nilam Perdana, Mukim Lembu, Pendek, Kota Bharu***".
7. Semua cadangan hendaklah dalam bahasa Melayu. Semua cadangan hendaklah ditaip pada kertas A4 (8.27 "x 11.69").

“Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan penender akan menyebabkan sebutharga tersebut ditolak serta-merta”.